PERMAINAN LETUP-LETUP

Permainan ini dikenali juga sebagai 'Bedil Buluh' dan dimainkan di luar rumah. Lazimnya dimainkan oleh kanak-kanak lelaki berumur antara enam hingga lima belas tahun. Peralatan yang digunakan adalah sebatang buluh pagar. Setiap pemain akan menjadikan buluh pagar berukuran lebih kurang lima belas inci panjang sebagai senapang. Manakala sebatang buluh kecil lagi yang boleh dimasukkan ke dalam lubang senapang buluh akan digunakan sebagai pelantak. Pemain-pemain akan menggunakan buah-buah kecil dari pokok buah-buahan ataupun kertas basah sebagai peluru.

Senapang buluh ini bertujuan untuk menembak seberapa ramai pemain dari pihak lawan. lanya boleh dimainkan secara individu atau berpasukan. Setelah dibuat undian, kedua-dua pasukan akan menentukan pasukan mana yang akan menyerang dahulu dan yang mana pula akan bertahan. Pemain dianggap 'terbunuh" atau mati jika peluru mengenai mana-mana bahagian badan pemain di bawah kepala. Pasukan yang sedikit sekali bilangan pemainnya terbunuh ataupun mati, dikira sebagai pemenang.



LETUP-LETUP

Letup-letup (also known as 'bedil buluh') is played outdoors, usually by boys aged six to fifteen. Each player fashions a pump gun from a thin hollowed bamboo, about fifteen inches long with another bamboo of a smaller circumference that fits into the first. Small berries or wet paper balls are used as bullets.

The aim of this game is to shoot and hit players from the opposing team as many as possible. Having chosen the members of each team, the leaders decide which team attacks and which team defends first. Rules require that only hits below the head are legal. The team which suffers the least number of hits is the winner.

